

Ajinomoto buka kilang untuk lawatan

Ajinomoto (M) Bhd (AMB) mem-buka kilang baharu yang terletak di Bandar Enstek Halal Hub untuk lawatan orang ramai.

Kilang pintar dan mesra alam itu adalah bangunan hijau yang disahkan secara rasmi dengan penerafan "Perak" Indeks Bangunan Hijau (GBI).

AMB dalam kenyataan berkata, kilang itu menggunakan teknologi canggih yang mengoptimumkan operasi melalui automasi dan pengdigitalan untuk meningkatkan kecekapan serta produktiviti.

"Kilang ini direka bentuk untuk menyediakan pekerja dengan persekitaran yang kondusif dan mesra kerja termasuk dilengkapi kemudahan rekreasi.

"Pelbagai aktiviti menarik diadakan seperti lawatan galeri dan koridor pengeluaran, demonstrasi masakan dan sesi hidangan ringkas," katanya.



Kilang baharu Ajinomoto menggunakan teknologi canggih yang mengoptimumkan operasi.

(Foto ihsan AMB)

Syarikat itu berkata, pengunjung yang mengikuti sesi lawatan secara percuma ini bakal menerima cenderahati menarik dan pelbagai sampel produk.

Sesi lawatan boleh dilakukan bermula Isnin ini, jam 9 pagi sehingga 4 petang.

Maklumat lanjut mengenai lawatan dan pendaftaran boleh didapati di laman web Ajinomoto Malaysia di <https://www.ajinomoto.com.my/contactus/factory-visit-0>.

AMB memulakan operasi perniagaan pada 1961 sebagai antara syarikat Jepun yang pertama

di Malaysia.

Itu adalah sebahagian daripada Kumpulan Ajinomoto, pengeluar global makanan dan perencah berkualiti tinggi, bermula dengan Perencah Umami AJI-NO-MOTO yang ditemui dan dikeluarkan lebih dari 100 tahun lalu di negara matahari terbit itu.

AMB ketika ini mempunyai rangkaian produk di bawah jenama AJI-NO-MOTO, Rasa Sifu, SERI-AJI, AJI-SHIO, TUMIX, PAL SWEET, AJI-NO-MOTO PLUS, AJI-MIX dan aminoVITAL.

Syarikat itu telah berkembang menjadi pengeluar makanan dan perencah yang dinamik dan bertanggungjawab serta dipercayai rakyat Malaysia selama beberapa dekad.

AMB mengesyorkan untuk menjadi syarikat makanan halal global yang mengutamakan pelanggan pada masa hadapan.